

AGENDA 11

**MEMBENTANG DAN MENIMBANGKAN
ATURAN KELAYAKAN MENJADI
ANGGOTA LEMBAGA**

Mesyyuarat
AGUNG
PERWAKILAN TAHUNAN
KE
45

AGENDA 11

MEMBENTANG DAN MENIMBANGKAN ATURAN KELAYAKAN MENJADI ANGGOTA LEMBAGA

TUJUAN

Agenda ini dibentangkan untuk pertimbangan dan kelulusan perwakilan berkaitan cadangan mewujudkan Aturan Kelayakan Menjadi Anggota Lembaga.

LATAR BELAKANG

2. Menurut Undang-Undang Kecil (UUK) 36, anggota Lembaga hendaklah mengandungi 12 orang yang terdiri daripada sembilan (9) orang perwakilan yang dipilih oleh Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan (MAPT) di bawah peruntukan seksyen 42 Akta Koperasi 1993 (Akta).
3. Pelantikan bagi jawatan Pengerusi, Setiausaha dan Bendahari hendaklah dilantik oleh Lembaga FELDA daripada kalangan anggota atau perwakilan tertakluk kepada pengesahan MAPT seperti yang diperuntukkan di bawah perenggan (b) fasal (1) UUK dan fasal (2) UUK 36.
4. Tertakluk kepada peruntukan fasal (1) dan (3) UUK 38:
 - (a) satu pertiga daripada anggota Lembaga menurut perenggan (a) fasal (1) UUK 36 hendaklah mengosongkan jawatan secara bergilir-gilir pada tiap-tiap MAPT.
 - (b) anggota Lembaga menurut perenggan (b) fasal (1) UUK 36 hendaklah mengosongkan jawatan pada tiap-tiap MAPT.
5. Menurut subseksyen 43(2) Akta, sesuatu koperasi yang ditentukan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) hendaklah, sebelum melantik atau melantik semula mana-mana orang sebagai anggota Lembaga, meminta penentusahan daripada SKM sama ada orang itu memenuhi kriteria layak dan sesuai sebagaimana yang ditentukan oleh SKM.
6. SKM telah mengeluarkan Garis Panduan 3: Garis Panduan Penentusahan Memenuhi Kriteria Layak Dan Sesuai Bagi Pelantikan Atau Pelantikan Semula Sebagai Anggota Lembaga Koperasi (GP3) yang telah berkuat kuasa mulai 1 September 2024 bagi menyenaraikan langkah-langkah yang perlu dipatuhi dan dilaksanakan oleh koperasi yang ditentukan oleh SKM dalam proses pelantikan atau pelantikan semula anggota Lembaga.
7. Semua calon-calon anggota Lembaga perlu terlebih dahulu melalui proses penentusahan oleh SKM untuk memastikan semua calon yang bertanding memenuhi kriteria layak dan sesuai sebagaimana yang ditentukan.
8. Bagi mematuhi terma dan syarat SKM, mereka yang mencalonkan diri untuk bertanding hendaklah mempunyai kelayakan, pengalaman dan kompeten untuk menjalankan tanggungjawab sebagai anggota Lembaga dengan berkesan dan memenuhi kriteria-kriteria berikut:
 - (a) ketekunan, kecekapan dan kewarasan keputusannya;
 - (b) reputasi, tingkah laku, integriti dan kejujurannya;
 - (c) tidak melanggar mana-mana peruntukan yang dibuat oleh atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis;
 - (d) tidak didakwa melakukan atas mana-mana kesalahan di bawah Jadual 1 dan 2, Akta Pendaftaran Penjenayah-Penjenayah dan Orang-Orang Tak Diingini 1969 [Akta 7]; dan
 - (e) tidak seorang bankrap yang belum dilepaskan.

9. Seperti yang diperuntukkan di bawah GP3, koperasi juga perlu melaksanakan perkara-perkara berikut sebelum permohonan penenentusahan calon dikemukakan kepada SKM iaitu:

- (a) tapisan keutuhan (eSTK) yang dikendalikan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM); dan
- (b) koperasi hendaklah menubuhkan suatu jawatankuasa yang dikenali sebagai Jawatankuasa Pencalonan (JP) bagi melaksanakan tapisan awal dan saringan (*screening*) seterusnya memberikan perakuan dan laporan penilaian sewajarnya ke atas permohonan yang dikemukakan oleh calon anggota Lembaga pada Borang Penilaian sebelum permohonan dikemukakan kepada SKM.

ULASAN LEMBAGA

10. Lembaga berpandangan bahawa cadangan mewujudkan Aturan Kelayakan Menjadi Anggota Lembaga adalah selaras dengan kehendak Akta, UUK serta GP3 yang dikeluarkan oleh SKM. Pelaksanaan aturan ini penting bagi memastikan proses pemilihan dan pelantikan anggota Lembaga dapat dibuat secara lebih telus, berintegriti dan berlandaskan prinsip tadbir urus yang baik.

11. Penetapan syarat tambahan seperti modal syer minimum, had umur, kesihatan, serta kelayakan dan pengalaman juga dilihat wajar bagi menjamin keberkesanan fungsi Lembaga, di samping menambah keyakinan perwakilan serta pihak berkepentingan terhadap kredibiliti dan kompetensi anggota Lembaga.

12. Lembaga juga berpandangan mana-mana anggota yang masih berkhidmat dengan mana-mana organisasi dan berhasrat untuk bertanding sebagai calon anggota Lembaga, hendaklah mendapatkan kelulusan terlebih dahulu daripada majikan masing-masing.

SYOR

13. Sehubungan dengan itu, Lembaga mengesyorkan Aturan Kelayakan Menjadi Anggota Lembaga diwujudkan dengan terma dan syarat seperti berikut:

- (a) selain memenuhi kelayakan seperti yang dinyatakan dalam Seksyen 43 Akta, GP3 serta kelayakan seperti yang dinyatakan dalam UUK 37, calon-calon anggota Lembaga juga hendaklah memenuhi syarat-syarat tambahan berikut:
 - (i) calon anggota Lembaga hendaklah merupakan anggota individu bagi koperasi ini;
 - (ii) calon anggota Lembaga hendaklah memiliki tidak kurang daripada RM10,000 modal syer dalam koperasi ini pada tarikh pencalonan;
 - (iii) sekiranya calon anggota Lembaga yang mewakili anggota koperasi ini, koperasi tersebut hendaklah memiliki modal syer tidak kurang daripada RM50,000 pada tarikh pencalonan;
 - (iv) mempunyai tahap kesihatan fizikal dan mental yang mencukupi serta diperakui oleh pengamal perubatan berdaftar/Panel Kesihatan yang diiktiraf kerajaan bagi membolehkannya menjalankan tanggungjawab sebagai anggota Lembaga; dan
 - (v) mempunyai pengalaman dan/atau kelayakan akademik dalam bidang pengurusan, kewangan, perakaunan, undang-undang, atau industri berkaitan.
- (b) mana-mana anggota yang masih berkhidmat dengan mana-mana organisasi dan berhasrat untuk bertanding sebagai calon anggota Lembaga, hendaklah mendapatkan kelulusan terlebih dahulu daripada majikan masing-masing.

14. Maklumat Aturan Kelayakan Menjadi Anggota Lembaga ini adalah seperti di **Lampiran 1**.

15. Agenda ini dibentangkan untuk pertimbangan dan kelulusan perwakilan.

ATURAN KELAYAKAN MENJADI ANGGOTA LEMBAGA

TAJUK

1. Aturan ini hendaklah dinamakan Aturan Kelayakan Menjadi Anggota Lembaga Koperasi Permodalan FELDA Malaysia Berhad (KPF).
2. Aturan ini diwujudkan di bawah undang-undang kecil 86 dan dikuatkuasakan tertakluk kepada persetujuan Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan (MAPT) dan dikemukakan kepada Suruhanjaya.

TAFSIRAN

3. Dalam aturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain:

“**Akta**” ertinya Akta Koperasi 1993 [Akta 502];

“**ALK**” ertinya Anggota Lembaga Koperasi;

“**Aturan**” ertinya Aturan Kelayakan Menjadi Anggota Lembaga.

“**Anggota**” ertinya seseorang individu/koperasi yang layak menurut UUK KPF;

“**GP3**” ertinya Garis Panduan 3: Garis Panduan Penentusahan Memenuhi Kriteria Layak Dan Sesuai Bagi Pelantikan Atau Pelantikan Semula Sebagai Anggota Lembaga Koperasi;

“**KPF**” ertinya Koperasi Permodalan FELDA Malaysia Berhad;

“**Lembaga Koperasi**” ertinya badan pengelola KPF yang kepadanya pengurusan hal ehwal Koperasi ini diamanahkan, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta Koperasi 1993;

“**MAK**” ertinya Mesyuarat Agung Kawasan yang diadakan di kawasan-kawasan yang ditetapkan oleh Lembaga dengan bilangan perwakilan dan anggota seperti yang dinyatakan dalam UUK 26;

“**MAPT**” ertinya Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan yang dihadiri oleh perwakilan-perwakilan yang dilantik dalam Mesyuarat Agung Kawasan;

“**Suruhanjaya**” ertinya Suruhanjaya Koperasi Malaysia yang ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007.

TUJUAN

4. Aturan ini dikeluarkan tertakluk kepada peruntukan-peruntukan dalam Akta, Peraturan dan UUK untuk menjelaskan tata cara dan syarat serta kelayakan menjadi anggota Lembaga.

LATAR BELAKANG

5. Menurut Undang-Undang Kecil (UUK) 36, ALK hendaklah mengandungi 12 orang yang terdiri daripada 9 orang perwakilan yang dipilih oleh Mesyuarat Agung di bawah peruntukan seksyen 42 Akta.

6. Pelantikan bagi jawatan Pengerusi, Setiausaha dan Bendahari hendaklah dilantik oleh Lembaga FELDA daripada kalangan anggota atau perwakilan tertakluk kepada pengesahan MAPT seperti yang diperuntukkan di bawah perenggan (b) fasal (1) UUK dan fasal (2) UUK 36.

7. Tertakluk kepada peruntukan fasal (1) dan (3) UUK 38:
- (a) satu pertiga daripada anggota Lembaga menurut perenggan (a) fasal (1) UUK 36 hendaklah mengosongkan jawatan secara bergilir-gilir pada tiap-tiap mesyuarat agung perwakilan tahunan (MAPT).
 - (b) Anggota Lembaga menurut perenggan (b) fasal (1) UUK 36 hendaklah mengosongkan jawatan pada tiap-tiap MAPT.
8. Menurut subseksyen 43(2) Akta, sesuatu koperasi yang ditentukan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (Suruhanjaya) hendaklah, sebelum melantik atau melantik semula mana-mana orang sebagai anggota Lembaga, meminta penentusahan daripada Suruhanjaya sama ada orang itu memenuhi kriteria layak dan sesuai sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya.
9. Suruhanjaya telah mengeluarkan Garis Panduan 3: Garis Panduan Penentusahan Memenuhi Kriteria Layak Dan Sesuai Bagi Pelantikan Atau Pelantikan Semula Sebagai Anggota Lembaga Koperasi (GP3) yang telah berkuat kuasa mulai 1 September 2024 bagi menyenaraikan langkah-langkah yang perlu dipatuhi dan dilaksanakan oleh koperasi yang ditentukan oleh Suruhanjaya dalam proses pelantikan atau pelantikan semula anggota Lembaga Koperasi (ALK).
10. Semua calon-calon ALK perlu terlebih dahulu melalui proses penentusahan oleh Suruhanjaya untuk memastikan semua calon yang bertanding memenuhi kriteria layak dan sesuai sebagaimana yang ditentukan.
11. Bagi mematuhi terma dan syarat Suruhanjaya, mereka yang mencalonkan diri untuk bertanding hendaklah mempunyai kelayakan, pengalaman dan kompeten untuk menjalankan tanggungjawab sebagai ALK dengan berkesan dan memenuhi kriteria-kriteria berikut:
- (a) ketekunan, kecekapan dan kewarasan keputusannya;
 - (b) reputasi, tingkah laku, integriti dan kejujurannya;
 - (c) tidak melanggar mana-mana peruntukan yang dibuat oleh atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis;
 - (d) tidak didakwa melakukan atas mana-mana kesalahan di bawah Jadual 1 dan 2, Akta Pendaftaran Penjenayah-Penjenayah dan Orang-Orang Tak Diingini 1969 [Akta 7]; dan
 - (e) tidak seorang bankrap yang belum dilepaskan.
12. Seperti yang diperuntukkan di bawah GP3, koperasi juga perlu melaksanakan perkara-perkara berikut sebelum permohonan penentusahan calon dikemukakan kepada SKM iaitu:
- (a) tapisan keutuhan (eSTK) yang dikendalikan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM); dan
 - (b) Koperasi hendaklah menubuhkan suatu jawatankuasa yang dikenali sebagai Jawatankuasa Pencalonan (JP) bagi melaksanakan tapisan awal dan saringan (screening) seterusnya memberikan perakuan dan laporan penilaian sewajarnya ke atas permohonan yang dikemukakan oleh calon anggota Lembaga pada Borang Penilaian sebelum permohonan dikemukakan kepada Suruhanjaya.

SYARAT-SYARAT KELAYAKAN MENJADI ANGGOTA LEMBAGA

13. Memenuhi kelayakan bagi dilantik menjadi ALK seperti yang dinyatakan dalam seksyen 43 Akta iaitu:
- (a) Tiada seorang pun layak dilantik menjadi ALK atau kekal sebagai seorang ALK sesuatu koperasi jika dia telah:
 - (i) disabitkan atas suatu kesalahan di bawah Akta ini; atau
 - (ii) dipecat sebagai seorang pegawai sesuatu koperasi.
14. Memenuhi kriteria layak dan sesuai seperti yang dinyatakan dalam GP3.

15. Memenuhi kelayakan seperti yang dinyatakan dalam UUK 37 iaitu:
- (a) Tiada seorang pun layak menjadi ALK atau kekal sebagai seorang ALK jika dia:
 - (i) telah disabitkan atas sesuatu kesalahan di bawah akta;
 - (ii) telah dipecat sebagai seorang pegawai sesuatu koperasi;
 - (iii) menjadi anggota Jawatankuasa Audit Dalaman bagi koperasi ini;
 - (iv) ada percanggahan kepentingan diri dalam mana-mana aktiviti yang diusahakan oleh koperasi ini; atau
 - (v) dalam hal dia seorang perwakilan kepada sesuatu koperasi anggota:
 - a. dia belum genap tempoh 2 tahun menganggotai sesuatu anggota yang telah didaftarkan melebihi 2 tahun; atau
 - b. dia tidak memegang jawatan sebagai anggota Lembaga sesuatu anggota.
16. Memenuhi syarat-syarat lain seperti berikut:
- (a) selain memenuhi kelayakan seperti yang dinyatakan dalam Seksyen 43 Akta, GP3 serta kelayakan seperti yang dinyatakan dalam UUK 37, calon-calon anggota Lembaga juga hendaklah memenuhi syarat-syarat tambahan berikut:
 - (i) calon anggota Lembaga hendaklah merupakan anggota individu bagi koperasi ini;
 - (ii) calon anggota Lembaga hendaklah memiliki tidak kurang daripada RM10,000 modal syer dalam koperasi ini pada tarikh pencalonan;
 - (iii) sekiranya calon anggota Lembaga yang mewakili anggota koperasi ini, koperasi tersebut hendaklah memiliki modal syer tidak kurang daripada RM50,000 pada tarikh pencalonan;
 - (iv) mempunyai tahap kesihatan fizikal dan mental yang mencukupi serta diperakui oleh pengamal perubatan berdaftar/Panel Kesihatan yang diiktiraf kerajaan bagi membolehkannya menjalankan tanggungjawab sebagai anggota Lembaga; dan
 - (v) mempunyai pengalaman dan/atau kelayakan akademik dalam bidang pengurusan, kewangan, perakaunan, undang-undang, atau industri berkaitan.
 - (b) mana-mana anggota yang masih berkhidmat dengan mana-mana organisasi dan berhasrat untuk bertanding sebagai calon anggota Lembaga, hendaklah mendapatkan kelulusan terlebih dahulu daripada majikan masing-masing.

PERTIKAIAN

17. Jika berbangkit sebarang perselisihan faham tentang tafsiran Aturan ini atau timbul apa-apa perbalahan mengenainya, maka pertikaian itu hendaklah dirujuk kepada Suruhanjaya mengikut UUK 82 koperasi ini.

PEMAKAIAN DAN TARIKH KUAT KUASA

18. Aturan ini boleh dikemas kini dari semasa ke semasa tertakluk kepada kelulusan MAPT.

19. Aturan ini dikuatkuasakan pemakaiannya mulai lantikan sesi 2027/2028.

Mesyyuarat
AGUNG
PERWAKILAN TAHUNAN
KE **45**